

BAB 4

MEMBELA ISU-ISU KEMANUSIAAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN

4.1 Pengenalan

Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang berdikari telah menghadapi beberapa isu antarabangsa. Isu-isu ini termasuk isu Palestin, Apartied, Kampuchea, Konflik Afghanistan dan perang Bosnia. Walaupun kepimpinan negara silih berganti, namun pendirian dan komitmen Malaysia terhadap isu-isu ini tetap berterusan. Misalnya dalam isu Palestin, Malaysia dengan tegas menyeru agar hak-hak asasi rakyat Palestin dikembalikan sementara dalam isu aparteid pula ia menggesa supaya sistem aparteid yang diamalkan di Afrika Selatan dihapuskan. Begitu juga dalam isu-isu seperti Kampuchea, Afghanistan dan perang Bosnia, Malaysia mahukan isu tersebut dihentikan dengan segera oleh badan antarabangsa.

Dalam bab ini penulis akan membincangkan peranan yang dimainkan oleh Dr. Mahathir Mohamad dalam memperjuangkan nasib bangsa dan negara yang ditindas oleh negara-negara maju. Penulis akan menganalisis ucapan-ucapan beliau di forum-forum antarabangsa seperti PBB, NAM dan ASEAN untuk melihat kesungguhan beliau memimpin negara-negara membangun dalam menuntut keadilan. Untuk melihat

kepimpinan beliau tersebut maka isu-isu seperti isu Palestin, Apartied, Kampuchea, Afghanistan dan perang Bosnia di kaji dengan terperinci.

4.2 Palestine

Sebagai mewakili bangsa dan negara yang pernah dijajah dan ditindas. Dr. Mahathir Mohamad melihat bahawa adalah menjadi tanggungjawab dan kewajiban beliau sebagai pemimpin untuk memperjuangkan bangsa-bangsa yang dibelenggu penindasan dan penjajahan itu.¹⁰⁴ Kesempatan berucap di Perhimpunan Agung PBB juga telah digunakan untuk mencapai matlamat dan tujuan tersebut. Sejak ucapan pertama beliau di PBB, beliau tidak pernah gagal membangkitkan isu Palestin pada setiap tahun.¹⁰⁵ Secara khusus dalam empat ucapan di badan dunia itu, Dr. Mahathir Mohamad telah memberi perhatian terhadap penderitaan yang masih dialami oleh bangsa Palestin di Asia Barat yang telah kehilangan tanahair mereka kepada Israel sejak tahun 1948. Dr. Mahathir Mohamad mengambil pendirian yang kritikal terhadap peranan yang dimainkan oleh kuasa-kuasa Barat yang tidak mengenakan tekanan ke atas Israel supaya mematuhi resolusi 238 dan 242 yang meminta Israel meninggalkan wilayah-wilayah yang diduduki olehnya.¹⁰⁶ Walaupun pemimpin-pemimpin sebelum ini juga pernah memperjuangkan nasib bangsa Palestin di forum-forum antarabangsa tetapi tidak dapat dinafikan bahawa menerusi Dr. Mahathir Mohamad perjuangan Malaysia membela Palestin adalah lebih gigih dan lantang. Sebahagian ucapan beliau di PBB digunakan untuk menarik perhatian masyarakat antarabangsa terhadap isu Palestin.

¹⁰⁴ Chamil Wariya, *Dasar Luar Era Mahathir*, hlm.103

¹⁰⁵ Johan Saravanamuttu, "Malaysia's Foreign Policy in The Mahathir Period, 1981-1985: An Iconoclast Come to Rule", *Asian Journal of Political Science*, Volume 4 Number 1 June 1996, hlm. 7

¹⁰⁶ ibid.

Dalam ucapan pertama pada tahun 1982 di Perhimpunan Agung PBB, Dr. Mahathir berterus terang menuduh Israel sebagai sebuah negara yang telah menindas Palestin dengan restu kuasa-kuasa besar Barat terutamanya Amerika.¹⁰⁷ Beliau menimbulkan isu kekejaman yang dilakukan terhadap Palestin oleh Yahudi yang telah mengambil alih negara Palestin dengan persetujuan PBB pada tahun 1984. Beliau menyamakan kekejaman Isreal terhadap Palestin dengan kezaliman yang dilakukan oleh Nazi Hitler terhadap bangsa Isreal semasa Perang Dunia Kedua.¹⁰⁸ Dalam ucapannya di Perhimpunan Raksasa Palestin di Kuala Lumpur pada tahun 1990 pula, beliau berkata:

"Apakah yang sedang berlaku di dalam wilayah yang telah dijajah oleh pihak Yahudi? Yahudi mengadakan satu pemerintahan yang amat kejam. Setiap hari mereka menyerang rakyat Palestin yang tidak mempunyai senjata. Rakyat Palestin bukan terdiri daripada orang dewasa semata-mata tetapi kanak-kanak juga diserang oleh kerajaan Yahudi. Tentera dan Polis Israel telah menyerang orang yang tidak berdosa, orang yang tidak bersenjata, kanak-kanak sehingga yang dalam buaian semuanya telah diserang oleh orang yang bersenjata ini dan dibunuh, dicedera, ditembak dengan peluru, ditembak keroncong dengan peluru getah yang juga boleh membunuh. Digunakan gas pemadih mata, bahkan digunakan "*chemical weapon*" terhadap orang tidak bersenjata yang cuba menunjuk perasaan mereka untuk mendapatkan kemerdekaan."¹⁰⁹

Selepas ucapan pertama pada tahun 1982 di Perhimpunan Agung PBB, beliau menimbulkan lagi soal Palestin itu dalam ucapannya pada tahun 1984, 1986 dan 1988. Dalam ucapan tahun 1986 misalnya, pendirian yang diambil oleh beliau adalah lebih kritikal dan lantang. Beliau bukan sekadar menyalahkan kuasa-kuasa besar, tetapi seluruh PBB kerana gagal menyelesaikan kesengsaraan yang menimpa rakyat Palestin.¹¹⁰ Beliau menyelar tindakan keganasan Israel sebagai tindakan yang sungguh menjijikkan dan

¹⁰⁷ Chamil Wariya, *Dasar Luar Era Mahathir*, hlm. 103

¹⁰⁸ ibid.

¹⁰⁹ Jabatan Perdana Menteri, 1990

¹¹⁰ Chamil Wariya, *Dasar Luar Era Mahathir*, hlm. 104

perlu diberhentikan dengan segera. Menurut beliau tanpa keamanan dan keselamatan keadilan tidak dapat dicapai di bumi Palestin.¹¹¹

Menurut Dr. Mahathir, soal Palestin adalah satu isu yang masih gagal diselesaikan oleh PBB, walaupun perkara ini sentiasa wujud di agenda sejak PBB ditubuhkan. Ketidakupayaan menyelesaikan isu asas ini telah menyebabkan seluruh rantau Asia Barat kekal bergelora. Masalah Palestin bermula setelah terusirnya rakyat Palestin dan wujudnya kerajaan negara Israel hasil dan keputusan PBB pada tahun 1948 dan bahawa keputusan itu dihormati oleh kuasa-kuasa besar maka wajiblah kuasa-kuasa besar itu menghormati dan memegang ketetapan-ketetapan PBB mengenai isu tersebut.¹¹²

Justeru itu kritikan-kritikan ditujukan kepada kuasa-kuasa besar kerana pendiriannya yang tidak saksama antara Israel dengan Palestin. Ini terbukti dalam kenyataan beliau yang mengatakan:

".... tanpa satu dasar yang saksama oleh kuasa-kuasa besar, PBB tidak mungkin dapat bertindak. Sempadan Israel pasti akan bertambah luas, menduduki bumi Arab sesuka hatinya dan sebarang tindakan yang dilakukan oleh Israel biar betapa kejamnya akan dianggap sebagai melindungi keselamatan negaranya. Rakyat Palestin pula sebaliknya tidak akan dapat bertindak seperti Israel kerana sumber kekuatan mereka yang terhad. Dalam proses ini rakyat Palestin akan sentiasa dikutuk oleh dunia yang tidak menghiraukan hakikat bahawa Israel sendiri adalah hasil daripada keganasan, bahawa serangan dan gangguannya terhadap orang-orang Arab di wilayahnya adalah dasar yang berdasarkan kekejaman."¹¹³

¹¹¹ Ucapan Dr. Mahathir Mohamad di petik di majlis pembukaan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel pada 18 Oktober 1989 dlm. Abdul Razak Abdullah Baginda dan Rohana Mahmood (ed), *Malaysia's Defence & Foreign Policies*, 1995, hlm. 110

¹¹² Chamil Wariya, hlm. 104 -

¹¹³ Jabatan Perdana Menteri, 1982

Pendirian Malaysia dalam isu ini adalah tegas. Pada bulan Disember 1989, di Seminar Rantau Asia Dan Simposium Pertubuhan-Pertubuhan Bukan-Kerajaan Mengenai Persoalan Palestin yang dianjurkan oleh PBB di Kuala Lumpur, Menteri Luar Dato' Hassan Haji Omar telah mengulangi pendirian Malaysia bahawa penyelesaian yang adil, menyeluruh dan berkekalan di Timur Tengah tidak akan tercapai sekiranya hak-hak asasi rakyat Palestin tidak diiktiraf. Beliau juga telah menegaskan bahawa jalan penyelesaian sukar dicapai tanpa pengunduran segera dan tanpa syarat tentera Israel dari wilayah-wilayah yang mendudukinya, iaitu Tebing Barat dan Semenanjung Gaza, termasuk Jerusalem. Malaysia juga yakin bahawa keamanan, dan penyelesaian yang adil, menyeluruh dan berkekalan hanya boleh dicapai melalui perundingan di bawah anjuran PBB.¹¹⁴

Kesungguhan Dr. Mahathir Mohamad dalam menyelesaikan masalah Palestin juga dapat dilihat apabila Malaysia telah membuat keputusan Lima Perkara atau lebih dikenali sebagai Rancangan Tindakan Kuala Lumpur.¹¹⁵ Rancangan ini dibawa seterusnya kepada Persidangan Geneva, Austria pada bulan Ogos 1984. Keputusan yang dibuat di Kuala Lumpur bolehlah dianggap satu keputusan muktamad dalam menyelesaikan masalah Palestin. Rancangan lima perkara itu antara lain menggesa Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menyambung semula tugas dan tanggungjawabnya di Asia Barat. Majlis ini juga dikehendaki mengambil langkah-langkah tegas dan berkesan serta aktif dengan segera bagi mewujudkan negara Palestin. Ini hendaklah dilakukan

¹¹⁴ Murugesu Pathmanathan, *Malaysia Dan Dunia Luar: Sumbangan Mahathir*, hlm. 18

¹¹⁵ Mokhtar bin Muhammad, *Dasar Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad dari 1970-1990: Kesanimbungan Dan Perubahan*, Tesis Dr. Fal, Universiti Malaya, 1998, hlm. 435-437

dengan melaksanakan semua ketetapan yang sesuai yang dibuat oleh Perhimpunan Agung PBB. Serentak dengan itu Majlis Keselamatan juga digesa mengambil tindakan bagi menyediakan segala yang perlu ke arah mencapai matlamat tersebut.¹¹⁶

Ketika mengulas rancangan Tindakan Lima Perkara ini pada 6 Mei 1983, Dr. Mahathir Mohamad berkata bahawa persidangan itu telah mencapai kejayaan. Ini akan membolehkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menukuhan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat. Inilah pertama kalinya Malaysia membuat cadangan yang begitu lengkap dan diterima oleh semua negara peserta. Keputusan itu bukan sahaja merupakan ketetapan, bahkan ia merupakan arahan cara mana masalah Palestin dapat diselesaikan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, khususnya Majlis Keselamatan badan dunia itu.¹¹⁷

Sebagai sokongan terhadap rakyat Palestin, Malaysia bukan sahaja menyokong di forum-forum PBB tetapi juga menyalurkan bantuan kebendaan dan kewangan pada perjuangan mereka. Misalnya apabila Lubnan dicerobohi oleh tentera Israel, Malaysia selain memberikan sumbangan tahunan sejumlah US\$5000 kepada *United Nations Relief and Works Agency* (UNRWA) yang beroperasi di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza, Malaysia turut memberi sumbangan sebanyak RM100 000 dalam tahun 1982 bagi membantu pelarian Palestin. Malaysia juga menawarkan biasiswa dan tempat belajar kepada rakyat Palestin di Universiti tempatan dan Institut Kemahiran.¹¹⁸ Pada bulan March 1987 Dr. Mahathir Mohamad telah memulakan sambutan Minggu Palestin, dan pada tahun berikutnya memulakan Tabung Rakyat Palestin sebagai tanda menyokong

¹¹⁶ ibid., hlm. 465

¹¹⁷ ibid.

perjuangan rakyat Palestin dan cuba menarik perhatian masyarakat dunia dan tempatan terhadap isu ini.¹¹⁹

Selepas saja Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih pimpinan negara, beliau membuat keputusan untuk memberikan status bertaraf diplomatik kepada PLO. Apabila parlimen Palestin dalam buangan mengisytiharkan sebuah negara yang merdeka dan bebas pada bulan November 1988, Malaysia adalah antara negara yang paling awal memberi pengiktirafan kepada negara Palestin itu. Malaysia adalah negara pertama di rantau Asia Tenggara dan kedua di dunia selepas Pakistan mengisytiharkan negara Palestin tersebut.¹²⁰

Tindakan yang drastik Dr. Mahathir berhubung Israel dapat dilihat apabila beliau membatalkan persembahan oleh *New York Philharmonic Orchestra* yang enggan meggugurkan lagu "*The Hebrew Rhapsody for Cello and Orchestra*" dalam persembahannya di Kuala Lumpur.¹²¹ Sokongan Malaysia terhadap penyelesaian isu Palestin juga pernah menimbulkan tegangan hubungan diplomatik di antara Singapura dan Malaysia apabila Presiden Israel Chaim Herzog melawat Singapura pada tahun 1986.¹²² Malah sikap anti Zionis Dr. Mahathir Mohamad yang menganggap Israel sebagai pengancam kepada kestabilan politik Malaysia dan rantau ini turut menjelaskan hubungan diplomatik Malaysia dengan negara-negara lain khususnya dengan Amerika

¹¹⁸ Shanti Nair, *Islam in Malaysian Foreign Policy*, hlm. 207

¹¹⁹ Joseph Liow, Personality, Exigencies and Contingencies: Determinants of Malaysia's Foreign Policy in the Mahathir Administration, dlm. Ho Khai Leong dan James Chin (ed), *Mahathir's Administration: Performance and Crisis in Governance*, hlm., 145

¹²⁰ Shanti Nair, hlm. 206-207

¹²¹ Joseph Liow, hlm. 137 -

¹²² Shanti Nair, hlm. 225

Syarikat.¹²³ Walaupun Kuala Lumpur memainkan peranan penting dalam hal ehwal antarabangsa dan menganjurkan banyak persidangannya tetapi tidak pernah menjadi tuan rumah kepada sebarang persidangan yang melibatkan penglibatan negara Israel.¹²⁴

Dalam membincangkan sokongan Dr. Mahathir Mohamad berhubung isu Palestin, Hussin Mutualib berkata "*it was made even more vocal and on terms more favourable than those adopted by the Tun Abdul Razak administration in the 1970s*". Melihat kepada kesungguhan beliau dalam memperjuangkan isu Palestin ini, pemimpin PLO, Yasser Arafat pernah berkata "*Malaysia is even closer to us than some of the Arab Nations*"¹²⁵

Kunjungan Pengerusi PLO, Yasser Arafat, ke Kuala Lumpur pada bulan Mac 1990 menunjukkan penghargaan pengiktirafan rakyat Palestin terhadap komitmen dan sokongan Malaysia yang berterusan.¹²⁶ Perjumpaan ini juga menggambarkan kesediaan Malaysia untuk terus memainkan peranan yang aktif di dalam negeri dan di peringkat antarabangsa sehingga penyelesaian yang adil dan berkekalan terhadap isu Palestin dapat dicapai.

4.3 Isu Apartheid

Pendirian Malaysia di dalam isu ini juga adalah jelas, tegas dan tetap. Kesemua Perdana Menteri Malaysia, dari Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sehingga Dr. Mahathir Mohamad telah menyokong perjuangan rakyat kulit hitam Afrika

¹²³ ibid.

¹²⁴ ibid. hlm. 207

¹²⁵ Hussin, M., *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State*, hlm. 12-13

¹²⁶ Murugesu Pathmanathan, *Malaysia Dan Dunia Luar: Sumbangan Mahathir*, hlm. 19

Selatan menentang ketidakadilan yang terkandung di dalam sistem aparteid.¹²⁷ Usaha Malaysia untuk menarik perhatian dunia terhadap dasar perbezaan warna kulit ini dilakukan melalui pelbagai forum. Dalam ucapan pertama beliau di PBB misalnya, Dr. Mahathir secara terus terang menyatakan bahawa:

"...kerajaan saya memandang dengan penuh jijik akan dasar-dasar aparteid Afrika Selatan yang tidak berperikemanusiaan itu. Ini adalah satu pencabulan terhadap keadilan dan satu perkara yang dikeji terhadap martabat manusia. Malaysia akan terus menyokong sepenuhnya perjuangan rakyat Afrika Selatan yang tertindas untuk mendapatkan keadilan, kesamaan dan maruah dari aparteid."¹²⁸

Dalam ucapan berikutnya pada tahun 1986 di PBB, Dr. Mahathir Mohamad meneruskan kempennya memerangi aparteid dengan menyatakan kegagalan pendekatan negara-negara Barat dalam mempengaruhi kerajaan Afrika Selatan supaya menghapuskan sistem aparteid. Dr. Mahathir Mohamad mengesyorkan supaya tindakan yang lebih keras diambil seperti mengenakan sekatan ekonomi dengan bersungguh-sungguh. Sehubungan dengan itu, selepas mempengerusikan satu mesyuarat di antara Nelson Mandela dan para pemimpin Komanwel di Lusaka, Dr. Mahathir telah menegaskan bahawa sekatan-sekatan ini "...bukan sahaja mesti diteruskan, malah ia mestilah diperketatkan."¹²⁹ Di dalam hal ini Malaysia bersama negara-negara Komanwel lain telah mengkritik keputusan Britain untuk menarik balik sekatan-sekatan pelaburannya ke atas Afrika Selatan. Beliau juga menolak hujah yang mengatakan bahawa sekatan ekonomi tidak akan berkesan dan hanya akan memburukkan lagi nasib negara orang-orang kulit hitam di Afrika Selatan.¹³⁰

¹²⁷ ibid.

¹²⁸ Chamil Wariya, hlm. 105

¹²⁹ Munugesu Pathmanathan, *Malaysia Dan Dunia Luar: Sumbangan Mahathir*, hlm. 19-20

¹³⁰ Chamil Wariya, hlm. 105

Sehubungan itu, pada majlis pembukaan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel pada tahun 1989 di Kuala Lumpur, beliau sekali lagi mengulangi pendiriannya yang tegas itu. Beliau berkata :

*"...Concern for the effect of sanctions on the blacks is misplaced. Consequently, sanctions must not only continue but must be escalated. Investment and financial flows to racist South Africa must be completely stopped."*¹³¹

Beliau yang memandang serius terhadap ketidakadilan sistem apartheid ini juga turut menunjukkan rasa simpati terhadap para pemimpin negara-negara Afrika seperti Kenneth Kaunda dari Zambia dan juga terhadap para pemimpin Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) seperti Oliver Tambo, Presiden ANC. Komitmen dan rasa simpati ini terbukti apabila Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan kesediaan Malaysia untuk memberi bantuan teknikal kepada ANC.¹³²

Walaupun beliau mengakui bahawa sekatan ekonomi akan membawa kesan buruk kepada negara-negara Afrika yang berjiran dan penduduk kulit hitam di Afrika Selatan tetapi penghinaan yang telah mereka tanggung sekian lama di bawah sistem aparteid adalah jauh lebih menyakitkan.¹³³ Walaupun cadangan beliau ini tidak mendapat sambutan dari kuasa-kuasa barat beliau turut mengambil langkah-langkah untuk membantu masyarakat kulit hitam Afrika Selatan dengan menjanjikan pemberian sebanyak US 2 juta kepada Tabung Afrika. Beliau juga merayu kepada masyarakat

¹³¹ Ucapan Dr. Mahathir Mohamad di petik di majlis pembukaan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel pada 18 Oktober 1989 dlm. Abdul Razak Abdullah Baginda dan Rohana Mahmood (ed), *Malaysia's Defence & Foreign Policies*, 1995, hlm. 110

¹³² Murugesu Pathmanathan, hlm. 19-20

¹³³ Chamil Wariya, hlm. 105

antarabangsa supaya turut memberi sokongan menyumbang kepada tabung tersebut sebagai satu usaha sejagat untuk menghapuskan sama sekali sistem aparteid itu.

Komitmen serta peranan aktif Malaysia menentang kekejaman dasar apartheid Afrika Selatan memang diketahui masyarakat dunia. Sikap dan pendirian Malaysia dalam hal ini adalah konsisten. Sebagai menghargai peranan aktif Malaysia ini, Nelson Mandela sendiri telah menyampaikan ucapan terima kasihnya kepada Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad di atas sokongan dan pendirian Malaysia yang tegas itu.¹³⁴

4.4 Konflik Kampuchea

Isu Kampuchea adalah satu isu penting yang perlu diselesaikan segera kerana pengaruhnya terhadap kestabilan, keamanan dan keselamatan rantau Asia Tenggara. Adalah menjadi harapan umum keamanan ini akan membawa kepada kestabilan dan kerjasama serantau dan seterusnya memenuhi aspirasi rantau ini sebagai zon yang aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara. Apabila Dr. Mahathir Mohamad memegang tumpuk pemerintahan negara isu konflik Kampuchea menjadi semakin runcing dan boleh menggugat keselamatan negara-negara di rantau ini. Sehubungan dengan itu dalam majlis perhimpunan agung PBB beliau membangkitkan lagi isu Kampuchea agar ia diberikan perhatian yang serius oleh masyarakat antarabangsa.¹³⁵ Beliau menyeru agar tentera Vietnam berundur dari wilayah Kampuchea tanpa mengenakan sebarang syarat. Beliau mendesak supaya Vietnam meninggalkan negara jiran yang telah dijajahi dan mengembalikan negaranya kepada pentadbiran penduduk tempatan. Beliau juga mahukan

¹³⁴ Murugesu Pathmanathan, hlm. 20

¹³⁵ Johan Saravanamuttu, "Malaysia's Foreign Policy in The Mahathir Period, 1981-1985: An Iconoclast Come to Rule", *Asian Journal of Political Science*, Volume 4 Number 1 June 1996, hlm. 9

rakyat Kampuchea diberi jaminan supaya penderitaan dan pengalaman ngeri yang menimpa mereka tidak akan berulang lagi.

Selain PBB, Malaysia dalam usaha menyelesaikan krisis Kampuchea telah mengetuai ASEAN di dalam perbincangan antara pejuang-pejuang Kampuchea. Pada September 1981 Malaysia bersama negara-negara anggota ASEAN yang lain telah mengadakan rundingan dengan pemimpin-pemimpin kumpulan yang bertelagah supaya bersatu. Pada November 1981, satu formula bertolak ansur ASEAN telah diterima oleh pihak yang bertelagah di Kampuchea. Malaysia yang diketuai oleh Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie telah mengadakan beberapa perbincangan dengan ketiga-tiga pemimpin pejuang Kampuchea.¹³⁶ Usaha ASEAN akhirnya berjaya membawa Putera Norodom Sihanouk, Kieu Sampanh dan Sonn Sann ke meja perundingan untuk menubuhkan sebuah Kerajaan Campuran di Kampuchea menentang pendudukan tentera Vietnam di negara mereka. Sonn Sann menyatakan persetujuannya dengan usaha tersebut pada 12 Jun 1982. Bagaimanapun persetujuan itu dicapai setelah perkara-perkara tentang kedudukan menteri-menteri dalam Kerajaan Campuran itu dipersetujui.¹³⁷

Di bawah formula ASEAN, ketiga-tiga kumpulan akan berkongsi kuasa samarata dalam pemerintahan negara. Mereka juga mengekalkan taraf struktur Kerajaan Demokratik Kampuchea. Hasil daripada persetujuan ini, Malaysia telah menghantar

¹³⁶ Mokhtar bin Muhammad, *Dasar Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad dari 1970-1990. Kesinambungan Dan Perubahan*, Tesis Dr. Fal, Universiti Malaya, 1998, hlm. 443

¹³⁷ Johan Saravanamuttu, "Malaysia's Foreign Policy in The Mahathir Period, 1981-1985: An Iconoclast Come to Rule", hlm. 9 -

seorang perutusan khas menjemput Putera Norodom Sihanouk menandatangani persetujuan itu di Kuala Lumpur. Beliau mengesahkan bahawa akan menghadiri upacara menandatangani perjanjian menubuhkan sebuah Kerajaan Campuran di Kampuchea yang akan dianggotai oleh ketiga-ketiga kumpulan tersebut. Pada 13 Jun 1982 berlangsunglah satu majlis bersejarah di mana ketiga-tiga pemimpin Kampuchea yang bermusuhan telah bersetuju untuk berdama. Majlis ini telah berlangsung di Rumah Malaysia, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Perjanjian itu telah ditandatangani oleh Putera Norodom mewakili kumpulan Moulinaka; Kieu Sampahn mewakili Khmer Rouge (komunis) dan Sonn Sann, mewakili Fran Pembelaan Kebangsaan Rakyat Khmer (sebuah pertubuhan bukan komunis). Penubuhan Kerajaan Campuran ini bertujuan menentang pendudukan tentera Vietnam dan seterusnya mengusir mereka dari bumi Kampuchea. Selepas majlis menandatangani penubuhan Kerajaan Campuran, ketiga-tiga pemimpin telah mengadakan Sidang Kemuncaknya di Kuala Lumpur.¹³⁸

Menurut persetujuan iu Putera Norodom Sihanouk dilantik sebagai Presiden Kerajaan Campuran Kampuchea; Naib Presidennya ialah Kieu Sampahn; dan Sonn Sann pula dilantik sebagai Perdana Menteri. Kesemua pemimpin tadi bersetuju bahawa Khmer Rouge yang disokong oleh China memegang portfolio Menter Luar. Semasa mengulas persetujuan itu, Dr. Mahathir berkata bahawa ini adalah usaha kerajaan Malaysia. Malaysia juga telah menawarkan tempat kepada ketiga-tiga pemimpin Kampuchea untuk upacara tersebut dan seterusnya mengadakan sidang kemuncak.¹³⁹

¹³⁸ Mokhtar bin Muhammad, hlm. 443

¹³⁹ ibid

Usaha Malaysia untuk melihat keamanan tercapai tidak berhenti setakat itu sahaja. Pada 9 September 1988 di Mesyuarat Menteri-menteri Luar Pergerakan Berkecuali di Nicosia, Malaysia menggesa Pergerakan itu supaya "...menyokong usaha-usaha diplomatik serantau seperti perjumpaan Tidak Rasmi Jakarta yang bertujuan untuk menyelesaikan kebuntuan." Malaysia turut menegaskan bahawa "... ASEAN akan berusaha mencari penyelesaian politik sepenuhnya berdasarkan Deklarasi Persidangan Antarabangsa Mengenai Kampuchea (ICK), iaitu pengunduran tentera asing dari Kampuchea dan pilihanraya bebas yang diawasi oleh sebuah badan antarabangsa."¹⁴⁰

4.5 Afghanistan

Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir Mohamad turut menyokong perjuangan Mujahiddin Afghanistan yang menentang askar Rusia di negara mereka sendiri yang telah dikuasai oleh kuasa komunis itu. Bantuan kebendaan dan moral telah disalurkan kepada golongan Mujahiddin. Pejabat wakil Mujahiddin juga telah ditubuhkan di Kuala Lumpur untuk memudahkan perhubungan. Malaysia juga menyokong Pakistan dalam menghadapi orang-orang pelarian Afghanistan yang berada di negara itu. Sebagai membantah tindakan Soviet menyerang bumi Afghanistan Malaysia telah menarik diri dari sukan Olimpik yang diadakan di Moscow.¹⁴¹ Malaysia menegaskan bahawa sebarang penyelesaian ke atas isu tersebut mestilah melalui badan PBB dan OIC dan berpendapat ia harus diselesaikan melalui diplomasi politik dengan menubuhkan kerajaan yang lebih neutral.¹⁴² Kesungguhan Malaysia menyokong

¹⁴⁰ Murugesu Pathmanathan, hlm. 28

¹⁴¹ Shanti Nair, *Islam in Malaysian Foreign Policy*, hlm. 78

¹⁴² ibid., hlm. 79

perjuangan di Afghanistan juga dapat dilihat dalam perbahasan di dewan Parlimen mengenai pemindahan akta *Diplomatic Exclusively Act 1966* (Vienna Convention).

Setiap Mac 21 adalah isytiharkan secara rasminya sebagai hari sambutan 'Hari Afghanistan' supaya mengingatkan kuasa barat tidak campur tangan dalam hal ehwal negara Muslim yang berpendirian berkecuali. Pada tahun 1982 Malaysia telah menyalurkan sumbangan sebanyak RM400,000 kepada tabung khas pelarian Afghanistan. Selain itu, pada tahun 1985, kerajaan Malaysia turut menubuahkan Tabung Kemanusiaan Pelarian Afghanistan untuk memberi bantuan kepada hal-hal yang bukan berkaitan ketenteraan. Kuala Lumpur dengan kerjasama Peshawar, di Pakistan turut menjadi tempat perhubungan komunikasi bagi menyalurkan berita tentang perjuangan Mujahiddin ke serata dunia. Malaysia yang begitu prihatin tentang masalah tersebut menyediakan biasiswa kepada anak-anak Afghanistan untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tempatan di Malaysia.¹⁴³

Walaupun Malaysia lantang menyokong perjuangan di Afghanistan tetapi masih menjalin hubungan diplomatik yang baik dengan Soviet. Sehubungan dengan itu ketika Dr Mahathir Mohamad melakukan lawatan ke Soviet pada August 1987, mengeluarkan kenyataan secara terbuka tentang kebimbangan beliau terhadap konflik di Afghanistan yang belum diselesaikan oleh negara itu.¹⁴⁴

¹⁴³ ibid

¹⁴⁴ Shanti Nair, hlm. 208

4.6 Bosnia

Isu Bosnia menjadi tumpuan Dr. Mahathir Mohamad dalam dasar luarnya kerana selain mahukan isu itu diselesaikan dengan segera kerana melibatkan soal kemanusiaan, beliau bimbang terhadap kuasa barat dan orde dunia selepas Perang Dingin. Selain dari itu Dr. Mahathir Mohamad juga ingin menggunakan isu tersebut untuk memprojekkan Malaysia sebagai "*middle power*" dengan menghantar tentera pengaman Malaysia ke rantau Balkan tersebut di bawah naungan PBB.¹⁴⁵ Di bawah misi tersebut, Malaysia telah menghantar seramai 1,512 pegawainya ke Bosnia untuk menjalankan tugas mengawal keamanan dan kestabilan di negara yang bergolak itu. Penglibatan Malaysia dalam pasukan UNPROFOR (UN Protection Force) di Bosnia adalah bertujuan untuk menarik perhatian masyarakat dunia Islam dan tempatan tentang usaha ikhlas Malaysia membantu rakyat Bosnia. Pada masa yang sama tindakan Malaysia itu juga dianggap sebagai mengkritik sikap "*double standard*" barat dalam menyelesaikan konflik tersebut.¹⁴⁶

Berhubung konflik Bosnia, Dr. Mahathir Mohamad berpendapat peranan yang dimainkan oleh PBB dan kuasa barat adalah tidak bersungguh-sungguh dalam mengembalikan keamanan di rantau Balkan itu. Sehubungan itu, pada tahun 1992, Malaysia sebagai anggota OIC yang paling aktif mendesak Majlis Keselamatan PBB supaya membincangkan isu Bosnia. Malaysia yang begitu kecewa sekali dengan

¹⁴⁵ ibid., hlm. 253

¹⁴⁶ Johan Saravanamuttu, hlm.-7

kegagalan Majlis Keselamatan PBB menangani konflik di rantau Balkan itu mendesak Setiausaha Agung PBB, Bhoutros Boutros Ghali meletak jawatan.¹⁴⁷

Apabila Malaysia menghadapi bantahan daripada negara-negara barat dan ahli Majlis Keselamatan PBB berhubung isu Bosnia itu maka usaha melobi di alihkan ke forum-forum antarabangsa yang lain seperti Pergerakan Berkecuali dan Komanwel. Pada bulan Oktober 1992, Malaysia membuat keputusan untuk menyokong keputusan Perhimpunan Agung PBB untuk menyingkirkan keahlian Yugoslavia dari badan tersebut. Malaysia terus melobi PBB supaya menggunakan kuasa ketenteraan untuk menamatkan serangan ganas Serbia ke atas Bosnia. Pada tahun 1992, Malaysia dengan bantuan UNHCR secara unilateral 'mengangkat' beberapa buah kem pelarian Bosnia di negara-negara Eropah dan memberikan perlindungan kepada hampir 300 pelarian Bosnia di Malaysia. Pada tahun 1994 pula akhbar Utusan Melayu menubuhkan Tabung Bosnia dan mengumpul sebanyak RM 3 juta untuk membantu mangsa perang di Bosnia. Pada Mei 1996, atas permintaan Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton, Dr. Mahathir Mohamad berjanji akan memberi sumbangan sebanyak US 10 juta kepada program menelan belanja US 500 juta untuk melatih dan melengkapkan tentera Bosnia.¹⁴⁸

4.7 Kesimpulan

Daripada huraihan di atas adalah terbukti bahawa kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad bertanggungjawab menjadikan dasar luar Malaysia sebagai pro-aktif dan tegas

¹⁴⁷ ibid., hlm. 256

¹⁴⁸ ibid.

dalam memperjuangkan isu-isu antarabangsa khasnya untuk kepentingan Malaysia dan negara-negara-negara membangun lain. Beliau dapat menggunakan kesempatan berucap di forum-forum antarabangsa untuk mengartikulasikan pendapatnya tentang ketidakadilan dasar dan sikap barat terhadap negara-negara membangun dengan berkesan. Beliau mengecam dunia maju kerana prinsip dan pendirian politik mereka adalah berkepentingan dan ternyata memberi kesan buruk kepada kebijakan dan kepentingan negara-negara membangun.

Di samping itu peranan aktif Dr. Mahathir Mohamad memperjuangkan isu Palestin dan Afghanistan juga dikaitkan dengan identiti Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Selain faktor agama Islam, perjuangan beliau membela bangsa yang ditindas adalah dilakukan kerana berpegang kepada prinsip keadilan, memperjuangkan dasar tidak campurtangan dan keinginannya untuk menghapuskan keganasan. Walaubagaimanapun isu keadilan yang diperjuangkan oleh Dr. Mahathir Mohamad juga berkait rapat dengan kepentingan politik beliau dalam negara. Beliau dapat menggunakan isu-isu yang dibincangkan di atas tadi untuk memenuhi kepentingan politik domestik beliau. Segala keputusan dasar luar negara diperhalusi dan mengambil kira pertimbangan politik tempatan. Pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah Persidangan CHOGM di Kuala Lumpur dan Sukan ASEAN pada tahun 1989, serta lawatan Yasser Arafat dan pemimpin Kongres Kebangsaan Afrika Nelson Mandela ke Malaysia pada tahun 1990 jelas memperlihatkan bagaimana beliau menggunakan peluang tersebut untuk memperkuuhkan kedudukan politik dan imej beliau dalam senario politik tempatan.